From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM TRANSFER OUT PUSAT PENGAJIAN UNDANG -UNDANG CETUS IMPAK TINGGI, PERKASA PEMINDAHAN ILMU DAN KEPAKARAN UNIVERSITI KEPADA KOMUNITI
Date: Sunday, 13 September, 2026 9:51:28 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 SEPTEMBER 2026 / 1 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan Gambar oleh: Anis Shuhaiza Md Salleh

PROGRAM *TRANSFER OUT* PUSAT PENGAJIAN UNDANG -UNDANG CETUS IMPAK TINGGI, PERKASA PEMINDAHAN ILMU DAN KEPAKARAN UNIVERSITI KEPADA KOMUNITI



UUM ONLINE: Alor Setar, 10 September 2026 – Komitmen universiti dalam memperluas akses ilmu, kepakaran dan inovasi kepada masyarakat terus diperkasa menerusi pelaksanaan Program *Transfer Out* Siri 1, yang berlangsung di Masjid Albukhary, pada 10 September 2026 sebagai antara inisiatif berimpak tinggi (*high-impact programme*) dalam memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan komuniti.

Program melibatkan komuniti ini dihadiri oleh 31 orang peserta terdiri daripada para guru, kaunselor dan kakitangan Yayasan Albukhary. Pelaksanaan dua modul iaitu Modul berkaitan undang-undang keluarga Islam (SAKINAH) dan Modul berkaitan undang-undang siber (SMART) dikendalikan oleh barisan pengendali yang mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing bagi memastikan ilmu dan pengalaman yang dikongsikan dapat memberi nilai tambah serta impak yang bermakna kepada peserta. Selain itu, wakil dari Badan Peguam Kedah turut dijemput mengisi satu slot perkongsian secara praktikal undang-undang keluarga Islam.



Majlis pembukaan pelaksanaan modul dimulakan dengan ucapan aluan oleh Imam Masjid Albukhary, YBhg. Tuan Haji Mohmad Nasrudin bin Ismail, dan turut dihadiri oleh Penolong Pengurus Masjid Albukhary Tuan Hj. Abdul Rahman Yaacob, Pengarah Program Berimpak Tinggi Pusat Pengajian Undang-undang, Dr. Anis Shuhaiza Md Salleh, bersama para pengendali modul dari Pusat Pengajian Undang-undang serta barisan urusetia program.

Inisiatif *Transfer Out* ini mencerminkan pendekatan universiti yang lebih dinamik dalam memastikan ilmu dan kepakaran yang dihasilkan tidak terhenti di dalam kampus, sebaliknya diterjemahkan kepada manfaat sebenar yang dapat dirasai oleh komuniti.

Dekan Pusat Pengajian Undang-undang, Prof. Dr. Harlida Abdul Wahab, berkata pelaksanaan program tersebut merupakan satu platform strategik bagi memperluas penyebaran ilmu dan kepakaran universiti kepada masyarakat, selaras dengan aspirasi universiti untuk menjadi institusi yang memberi nilai dan impak kepada komuniti.



“Pada masa yang sama, ia merupakan sebahagian daripada usaha inovasi dan pengkomersialan universiti serta menonjolkan peranan universiti sebagai institusi yang bukan sahaja menghasilkan ilmu, tetapi turut memastikan ilmu tersebut memberi impak dan manfaat kepada masyarakat,” katanya.

Program *Transfer Out* juga dilihat sebagai mekanisme penting dalam memperkukuh agenda pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) dan pemindahan teknologi (*technology transfer*), di samping membuka ruang kepada perkongsian pengalaman, kepakaran dan amalan terbaik antara warga akademik dengan komuniti.



Pelaksanaan Siri 1 di Masjid Albukhary ini menjadi langkah signifikan dalam memperluas ekosistem keterlibatan universiti bersama komuniti, khususnya melalui program yang mempunyai nilai tambah dan potensi impak yang lebih luas.

Inisiatif berimpak tinggi seperti ini diharap dapat diperluas melalui pelaksanaan siri dan modul yang lebih pelbagai pada masa akan datang, sekali gus memperkukuh kedudukan universiti sebagai pemacu ilmu, inovasi dan pembangunan komuniti yang inklusif serta berimpak tinggi.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.